

Kandungan

Pengenalan

Aksesori yang dibekalkan	104
Membersihkan cakera	104
Penetapan	104

Sambungan

Sambungan Kepada TV	105-106
Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS) ..	105
Menggunakan bicu Komponen Video (Y Pb Pr)	105
Menggunakan aksesori peninggirendahan RF..	106
Menyambungkan kord kuasa	107
Pilihan : Sambung ke peranti yang sesuai dengan HDMI	108
Menggunakan soket HDMI (High Definition Multimedia Interface)	108
Pilihan : Sambungan Stereo 2-saluran	109
Stereo mempunyai bicu Dolby Pro Logic atau Audio Masuk Kanan / Kiri	109
Pilihan : Sambungan Penerima Digital AV	109
Sekiranya penerima anda mempunyai dekoder Dolby Digital atau MPEG2	109

Pandangan Keseluruhan Fungsian

Panel depan dan belakang	110
Alat kawalan jauh	111

Cubaan Bermula

Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam Alat Kawalan Jauh	112
Menggunakan Alat Kawalan Jauh untuk mengoperasikan Pemain	112
Langkah 2: Penetapan TV	112-114
Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)	113
Memilih sistem warna yang bersepadan dengan TV anda	114
Langkah 3: Penetapan kecenderungan bahasa ..	115
Penetapan Bahasa OSD	115
Penetapan Bahasa Audio, Sarikata dan Bahasa menu cakera	115

Operasi Cakera

Cakera Yang Boleh Dimainkan	116
Kod Kawasan	116
Memainkan Cakera	117
Menggunakan Menu Cakera	117
Kawalan Mainan Semula Asas	118-119
Menghentikan Sebentar Mainan Semula ...	118
Memilih trek/bab	118
Menyambung mainan semula daripada titik yang terakhir dihentikan	118
Zoom	118
Ulangan	118
Ulangan A-B	118
Gerak Perlahan	119
Pencarian Ke Depan/Ke Belakang	119
Pranonton	119
Ciri-ciri Khas DVD	120
Memainkan Tajuk	120
Sudut Kamera	120
Menukar Bahasa Audio (DVD/VCD)	120
Sarikata	120
Memainkan cakera DivX.....	120
Memainkan CD Gambar MP3/JPEG	121
Operasi Umum	121
Pilihan mainan semula	121
Ulangan	121
Zoom gambar	121
Pranonton	121

Kandungan

Pilihan Menu Sistem

Bahasa	122
Bahasa OSD	121
Menu Audio, Sarikata, Cakera	121
Menetapkan fon Sari Kata DivX	121
Penetapan Video	123-125
Jenis TV	123
Menetapkan Paparan TV	123
Progresif – membuka/menutup	124
Mod JPEG HD	125
Output HDMI	125
Penetapan Audio	126-127
Output Digital	126
Output LPCM	127
Mod Malam – buka/tutup	127
Penilaian	128-129
Menukar Kata Laluan	128
Tahap Ibubapa	128
Mengekalkan semula penetapan default	129
Kod pendaftaran DivX(R) VOD	129

Menyelesaikan Masalah 130-131

Spesifikasi 132

Glossari 133


Pengenalan

Aksesori yang dibekalkan


Kabel Video Komposit
(Kuning)



Kabel Audio
(putih, merah)



Alat Kawalan Jauh dan
dua bateri AA



Bahasa Melayu

Membersihkan cakera

Untuk membersihkan cakera, gunakan kain pembersih berserat mikro dan lapkan cakera dari tengah hingga ke tepi dalam satu garisan yang lurus.

AWAS!

Jangan gunakan pelarut seperti benzin, pencair, pembersih yang terdapat secara komersial, atau penyembur anti statik yang bertujuan untuk cakera.

Oleh kerana unit optik (laser) perakam sistem DVD ini beroperasi pada kuasa yang lebih tinggi daripada pemain DVD atau CD biasa, CD pembersih yang bertujuan untuk pemain CD atau DVD boleh merosakkan unit optiknya (laser). Oleh itu, elak daripada menggunakan CD pembersih.


Penetapan

Mencari lokasi yang sesuai

- Letakkan set tersebut di atas permukaan yang rata, keras dan stabil. Jangan letakkan di atas permaidani.
- Jangan posisikan set ini di atas peralatan lain yang mungkin akan memanaskannya (misalnya penerima atau amplifier).
- Jangan letakkan apa-apa di bawah set ini (misalnya CD, majalah).

Ruang untuk pengedaran udara

- Letakkan alat di lokasi yang mempunyai pengedaran udara yang mencukupi bagi mengelakkan pembentukan haba dalaman. Berikan ruang sekurang-kurangnya 10 sm (4.5") dari bahagian belakang dan atas set ini dan 5 sm (2.3") dari bahagian tepi dan kanan untuk mencegahnya daripada menjadi terlalu panas.




Elak suhu yang tinggi, kelembapan, air dan habuk

- Alat ini tidak boleh didedahkan kepada titisan atau renjisan air.
- Jangan letakkan sebarang punca bahaya kepada alat ini (misalnya objek berisi cecair, lilin menyala).

Sambungan

Sambungan Kepada TV




PENTING!

- Anda hanya perlu membuat satu sambungan video daripada pilihan berikut, bergantung kepada kebolehan sistem TV anda.
- Sambung Pemain DVD secara terus kepada TV

Menggunakan bicu Video Komposit (CVBS)

- 1 Gunakan kabel video komposit (kuning) untuk menyambungkan bicu **CVBS** (VIDEO OUT) Pemain DVD kepada bicu input video (atau dilabelkan sebagai A/V Masuk, Komposit atau "Baseband") pada TV (*kabel diberikan*).
- 2 Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambung bicu AUDIO OUT [FRONT (L/R)] ke bicu AUDIO IN yang sepadan pada TV (*kabel diberikan*).




PENTING!

- Kualiti video skan progresif hanya boleh diperolehi apabila **Y Pb Pr** dan TV skan progresif diperlukan.

Menggunakan bicu Komponen Video (Y Pb Pr)

- 1 Gunakan kabel komponen video (merah/biru/hijau) untuk menyambungkan bicu **Y Pb Pr** Pemain DVD kepada bicu masuk video Komponen bersepadan (atau dilabelkan sebagai Y Pb Pr atau YUV) pada TV (*kabel tidak diberikan*).
- 2 Untuk mendengar saluran TV melalui sistem DVD ini, gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambung bicu AUDIO OUT [FRONT (L/R)] ke bicu AUDIO IN yang sepadan pada TV (*kabel diberikan*).
- 3 Terus ke muka surat 113 untuk penetapan Skan Progresif yang terperinci.

Sambungan



Bahasa Melayu

PENTING!


– Sekiranya TV anda hanya mempunyai satu bicu Antena masuk (atau dilabelkan sebagai 75 ohm atau RF Masuk), anda akan memerlukan satu peninggirendahan RF untuk melihat mainan semula DVD pada TV. Lihat peniaga elektronik anda atau hubungi Philips untuk butiran bagi terdapatnya dan operasi peninggirendahan RF.

Menggunakan aksesori peninggirendahan RF

- 1 Gunakan kabel video komposit (kuning) untuk menyambung bicu CVBS (VIDEO OUT) Pemain DVD kepada bicu masuk video pada peninggirendahan RF.
- 2 Gunakan kabel sepaksi RF untuk menyambungkan peninggirendahan RF kepada TV anda (kabel tidak diberikan).

Sambungan

Menyambungkan kord kuasa




Selepas semuanya disambungkan dengan betul, pasang kord kuasa AC kepada saluran kelaian kuasa.

Jangan buat atau tukarkan sebarang sambungan dengan kuasa dipasang.


Apabila tiada cakera dimasukkan, tekan **STANDBY ON** pada panel hadapan Pemain DVD.

'NO DISC' akan muncul pada panel paparan.



Sambungan


Pilihan : Sambung ke peranti yang sesuai dengan HDMI




Menggunakan soket HDMI (High Definition Multimedia Interface)

- HDMI menyambungkan penghantaran digital yang tidak dimampat dan tidak disentuh untuk kualiti imej/bunyi yang paling tinggi dan segar.
- Ia mempunyai keupayaan pasang palam dan main dengan hanya menggunakan satu kabel untuk output audio/video.
- Gunakan kabel HDMI (tidak dibekalkan) untuk menyambung HDMI OUT di Pemain DVD ke HDMI IN di peranti yang sesuai dengan HDMI (misalnya; PC, Pemain DVD, 'Set Top Box').
→ Ia mungkin mengambil sedikit masa bagi pemain DVD tersebut dan peranti input untuk berkomunikasi dan menyesuaikan diri.
→ Main semula mula secara automatik.
- HDMI sesuai dari belakang dengan banyak peranti DVI menggunakan palam penyesuai yang sesuai.
→ Jika peranti DVI disambungkan, kabel audio tambahan akan diperlukan untuk penghantaran audio.
→ Pemain DVD ini akan menyokong yang menurut HDCP sahaja.

- Untuk menikmati bunyi sekeliling berbilang saluran yang optimum



- Untuk menikmati bunyi sekeliling berbilang saluran yang optimum tanpa televisyen yang bersesuaian dengan HDMI




- Kebanyakan peranti yang membolehkan DVI lebih lama tidak mematuhi HDCP dan ulang tayang tidak boleh dilakukan.
→ Menu 'pop-up' akan muncul di skrin TV.

Panduan Berguna:

– HDCP ('High-bandwidth Digital Content Protection') ialah spesifikasi yang menyediakan penghantaran kandungan digital yang selamat antara peranti-peranti (untuk mencegah hak cipta yang tidak dibenarkan).

Sambungan


Pilihan : Sambungan Stereo 2-saluran



Stereo mempunyai bicu Dolby Pro Logic atau Audio Masuk Kanan / Kiri

- 1 Pilih satu daripada sambungan (CVBS VIDEO IN, S-VIDEO IN, SCART, COMPONENT VIDEO IN) bergantung kepada pilihan yang didapati pada TV anda.
- 2 Gunakan kabel audio (putih/merah) untuk menyambungkan bicu AUDIO OUT [FRONT (L/R)] Pemain DVD kepada bicu AUDIO IN bersepadanan pada sistem stereo (kabel diberikan).

Pilihan : Sambungan Penerima Digital AV



Sekiranya penerima anda mempunyai dekoder Dolby Digital atau MPEG2


- 1 Pilih satu daripada sambungan (CVBS VIDEO IN, S-VIDEO IN, SCART, COMPONENT VIDEO IN) bergantung kepada pilihan yang didapati pada TV anda.
- 2 Sambung sama ada bicu COAXIAL Pemain DVD kepada bicu Audio Masuk Digital COAXIAL bersepadanan pada Alat Penerima anda (kabel tidak diberikan).
- 3 Setkan Output Digital Pemain DVD kepada PCM-ONLY atau ALL bergantung kepada kebolehan alat Penerima anda (lihat muka surat "Output Digital", muka surat 126).

Panduan Berguna:

- Sekiranya format audio output digital tidak bersesuaian kepada kebolehan penerima, penerima tersebut akan mengeluarkan suatu bunyi kuat, dibenytokan atau tiada bunyi langsung.

Pandangan Keseluruhan Fungsian


Panel depan dan belakang



Peringatan : Jangan sentuh pin dalaman pada penyambung di panel belakang. Pengeluaran elektrostatik mungkin akan menyebabkan kerosakan yang kekal pada unit.

Pandangan Keseluruhan Fungsian


Alat kawalan jauh



Bahasa Melayu

Cubaan Bermula


Langkah 1: Masukkan bateri ke dalam Alat Kawalan Jauh



1. Bukakan ruangan bateri
2. Masukkan dua bateri jenis R06 atau AA., mengikut tanda (+ -) di dalam ruangan.
3. Tutupkan penutup.

Menggunakan Alat Kawalan Jauh untuk mengoperasikan Pemain

1. Bidik Alat Kawalan Jauh secara terus kepada sensor kawalan jauh (IR) di panel depan.
2. Jangan letakkan sebarang objek di antara Alat Kawalan Jauh dengan Pemain DVD semasa mengoperasikan Pemain DVD.



BERWASPADA!

- Keluarkan bateri sekiranya mereka telah dihabiskan atau sekiranya Alat Kawalan Jauh tidak digunakan untuk masa yang lama.
- Jangan gunakan kombinasi bateri yang lama dengan yang baru atau jenis yang berbeza.
- Bateri mengandungi kandungan bahan kimia, maka mereka perlu dibuang dengan cara yang betul.

Langkah 2: Penetapan TV

PENTING!

Pastikan anda telah mmelengkapkan semua sambungan yang diperlukan. (Lihat muka surat 105-106 "Sambungan kepada TV").

1. Pasangkan TV dan tetapkan kepada saluran video masuk yang betul. Anda harus lihat skrin latar belakang DVD Philips pada TV.
2. Biasanya, saluran-saluran ini adalah di antara saluran yang terendah dan yang tertinggi dan mungkin dipanggil sebagai FRONT A/V IN atau VIDEO. Lihat buku panduan TV untuk butiran lanjut.
→ Atau, anda boleh pergi ke saluran 1 pada TV, kemudiannya tekan butang Channel ke bawah berulang-kali sehingga anda melihat saluran Video Masuk.
→ Atau, Alat Kawalan Jauh TV mungkin mempunyai butang atau suis yang memilih saluran yang berlainan.
→ Atau, tetapkan TV kepada saluran 3 atau 4 sekiranya anda menggunakan peninggirendahan RF.
3. Sekiranya anda menggunakan peralatan luar (eg. Sistem audio atau penerima), pasanglah mereka dan pilih sumber input yang bersesuaian yang digunakan untuk menyambung kepada output pemain DVD. Rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda untuk butiran lanjut).

Cubaan Bermula

Menetapkan ciri Skan Progresif (untuk TV Skan Progresif sahaja)

Skan progresif memaparkan nombor bingkai sesaat sebanyak dua kali daripada skaning berselang (sistem TV biasa). Dengan hampir dua kali ganda bilangan garisan, skan progresif menawarkan resolusi dan kualiti gambar yang lebih tinggi.

PENTING!


Sebelum membolehkan ciri skan progresif, anda mesti memastikan:

- 1) TV anda boleh menerima isyarat progresif, TV skan progresif diperlukan.
- 2) Anda telah menyambungkan pemain DVD ke TV anda menggunakan Y Pb Pr (lihat muka surat 105.)

- 1 Buka TV anda.
- 2 Tutup mod skan progresif TV anda atau buka mod berselang (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda.)
- 3 Tekan **POWER** pada alat kawalan jauh untuk membuka pemain DVD.
- 4 Pilih saluran Input Video yang betul di TV (Lihat muka surat 112).
→ Skrin latar DVD muncul di TV.
- 5 Tekan **SYSTEM MENU**.
- 6 Tekan **▶** untuk memilih {Video}, kemudian tekan **OK** untuk mengesahkan.

Language	Video	Audio Track	Rating
TV Display	4:3 LETTERBOX		
TV Type	MULTI		
Video Output	YPbPr		
Progressive	Off	Off	
HD JPEG Mode	HD JPEG	On	
HDMI Output	Auto		


- 7 Pilih {Video Output} (Output Video) ke {YPbPr}, kemudian **OK** untuk mengesahkan.
- 8 Pilih {Progressive} (Progresif) ke {ON}, kemudian **OK** untuk mengesahkan.
→ Menu arahan muncul di TV.



- 9 Tekan **◀** untuk mencerahkan di menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.

Akan ada gambar terganggu di TV anda pada masa ini sehingga anda membuka mod skan progresif di TV anda

- 10 Buka mod skan progresif TV anda (rujuk kepada buku panduan pengguna TV anda)
→ Menu di bawah muncul di TV.



- 11 Tekan **◀** untuk mencerahkan di menu dan tekan **OK** untuk mengesahkan.
→ Penetapan sudah lengkap sekarang dan anda boleh mula menikmati gambar berkualiti tinggi.

Jika tiada gambar:

- Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik

ATAU

- 1 Tekan **OPEN CLOSE ▲** di sistem DVD untuk membuka dulang cakera.
- 2 Tekan **▶** diikuti dengan **AUDIO** di alat kawalan jauh.
→ Skrin latar DVD muncul di TV.

Panduan Berguna:

— Terdapat beberapa TV skan progresif dan TV Berdefinisi Tinggi yang tidak sesuai dengan sistem DVD ini, mengakibatkan gambar yang tidak semula jadi apabila memainkan semula cakera DVD VIDEO dalam mod skan progresif. Dalam keadaan demikian, tutup ciri skan progresif pada sistem DVD dan TV anda.


TIP:

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **OK**.
Untuk menghilangkan menu, tekan **SYSTEM MENU**.

Cubaan Bermula

Memilih sistem warna yang bersepadan dengan TV anda

Pemain DVD ini bersesuaian dengan kedua-dua NTSC dan PAL. Untuk membolehkan sesuatu cakera DVD dimainkan pada pemain ini, sistem warna Cakera, TV dan Pemain DVD perlu berpadanan.



- 1 Tekan **SYSTEM MENU**.
- 2 Tekan **►** berulang kali untuk memilih {Video}, kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan {TV Type} (Jenis TV).
- 4 Masuk ke submenunya dengan menekan **OK**.
- 5 Tekan **▲ ▼** untuk menyerlahkan pilihan-pilihan berikut:

PAL – Pilih ini sekiranya sambungan TV adalah sistem PAL. Ia akan menukarkan isyarat video cakera NTSC dan output dalam format PAL.


NTSC – Pilih ini sekiranya sambungan TV adalah sistem NTSC. Ia akan menukarkan isyarat video cakera PAL dan output dalam format NTSC.

Multi – Pilih ini sekiranya sambungan TV bersesuaian dengan kedua-dua NTSC dan PAL (pelbagai-sistem). Format keluar akan bertepatan dengan isyarat video pada cakera disco.

- 6 Pilih suatu butir dan tekan **OK**.

Panduan Berguna:

- **Sebelum menukar penetapan Jenis TV semasa, pastikan TV anda menyokong sistem 'Jenis TV yang dipilih'.**
- **Ikuti arahan yang muncul di skrin TV.**
- **Jika tidak terdapat gambar yang sempurna di TV anda, tunggu selama 15 saat bagi pembetulan secara automatik.**



Untuk menetapkan semula kepada sistem warna TV sedia ada:

- Tunggu selama 15 saat untuk pemulihan automatik

ATAU

- 1 Tekan **OPEN CLOSE ▲** di sistem DVD untuk membuka dulang cakera.
- 2 Tekan **►** diikuti dengan **SUBTITLE** di alat kawalan jauh.
→ Skrin latar DVD muncul di TV.

TIP:

Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **OK**.
Untuk menghilangkan menu, tekan **SYSTEM MENU**.

Cubaan Bermula

Langkah 3: Penetapan kecenderungan bahasa

Anda boleh memilih penetapan kecenderungan bahasa untuk Pemain DVD ini akan secara automatik memaparkan Menu Sistem (dan menu Cakera DVD) dalam bahasa kecenderungan anda.

Penetapan Bahasa OSD

Bahasa di skrin untuk sistem menu akan kekal apabila anda menetakannya, tidak kira pelbagai bahasa cakera.

Language	Video	Audio Track	Rating
OSD Language	English	English	
DVD Subtitle	English	Français	
Audio Track	English	Deutsch	
DVD Menu	English	Italiano	
DivX Subtitle	Cent. Eur.	Español	
		Portugiesisch	
		Holandés	
		Danisk	
		Norsk	

- 1 Tekan **SYSTEM MENU**.
- 2 Tekan ► untuk memilih {Language} (Bahasa), kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan {OSD Language} (Bahasa OSD).
- 4 Masuk ke submenunya dengan menekan **OK**.
- 5 Tekan ▲ ▼ untuk memilih bahasa dan tekan **OK**.

Penetapan Bahasa Audio, Sarikata dan Bahasa menu cakera

Anda boleh memilih bahasa atau lagu dari audio, sari kata dan bahasa menu cakera yang anda kehendaki. Sekiranya bahasa yang dipilih tidak didapati pada cakera, penetapan default bahasa pada cakera akan digunakan sebaliknya.

Language	Video	Audio Track	Rating
OSD Language	English	English	
DVD Subtitle	English	Français	
Audio Track	English	Deutsch	
DVD Menu	English	Italiano	
DivX Subtitle	Cent. Eur.	Español	
		Portugiesisch	
		Holandés	
		Danisk	
		Norsk	

- 1 Tekan **SYSTEM MENU**.
- 2 Tekan ► untuk memilih {Language} (Bahasa), kemudian tekan **OK**.
- 3 Tekan ▲ ▼ untuk menyerlahkan salah satu daripada pilihan di bawah satu persatu, kemudian tekan **OK**.
– 'DVD Subtitle'
– 'Audio Track'
– 'Disc Menu' (Menu Cakera) [Menu cakera]
- 4 Tekan ▲ ▼ untuk memilih bahasa dan tekan **OK**.
- 5 Ulang langkah 3-4 untuk penetapan lain.

Bahasa Melayu

TIP: Untuk kembali ke menu sebelumnya, tekan **OK**.
Untuk menghilangkan menu, tekan **SYSTEM MENU**.

Operasi Cakera

PENTING!

- Bergantung kepada DVD atau VIDEO CD, sesetengah operasi mungkin berbeza atau dihadkan.
- Jangan tekan dulang cakera atau meletakkan sebarang objek selain daripada cakera pada dulang cakera. Membuat begitu mungkin menyebabkan pemain cakera rosak.

Cakera Yang Boleh Dimainkan

Pemain DVD anda boleh memainkan

- Cakera Versatil Digital (DVD)
- CD Video (VCD)
- CD Super Video (SVCD)
- Cakera Video Digital + Boleh Dirakam [Ditulis Semula] (DVD+R[W])
- Cakera Padat (CDs)
- Cakera MP3, fail gambar (Kodak/JPEG) pada CD-R[W].
 - JPEG/ISO 9660 format
 - Paparan maksimum 15 huruf
 - Menyokong frekuensi pensampelan: 32 kHz, 44.1 kHz, 48 kHz (MPEG-1) 16 kHz, 22.05 kHz, 24 kHz (MPEG-2)
 - Menyokong kadar bit : 32-256kbps (MPEG-1) 8-160kbps (MPEG-2), kadar bit berubah-ubah
- Cakera DivX[®] pada CD-R[W]/DVD+R[W]:
 - DivX 3.11, 4.x dan 5.x
 - Mainan semula pampasan gerak tepat Q-pel, Pampasan Gerak Global (GMC)
- Fail/cakera maksimum bagi setiap cakera:
 - Fail maksimum yang dipaparkan 1,500
 - Folder maksimum 150



Kod Kawasan

Pemain DVD dicipta untuk menyokong Sistem Pengurusan Serantau. Periksa nombor kod serantau di pek cakera. Jika nombornya tidak sepadan dengan nombor serantau Pemain (lihat rajah di bawah), alat Pemain mungkin tidak boleh memainkan semula cakera tersebut.

Panduan Berguna:

- Mungkin tidak boleh main CD-R/RW atau DVD-R/RW dalam semua kes disebabkan oleh jenis cakera atau keadaan rakaman.
- Sekiranya anda mengalami kesulitan memainkan sesuatu cakera, pindahkan cakera dan cuba yang berlainan. Cakera yang tidak diformatkan dengan betul tidak akan dapat dimainkan pada Pemain DVD ini.

Rantau	Cakera boleh dimainkan (Contoh)
Rantau A.S dan Kanada	
Rantau U.K dan Eropah	
Rantau Asia Pasifik, Taiwan, Korea	
Australia, New Zealand, Latam	
Rusia dan India	
China, Kepulauan Calcos, Kepulauan Walls dan Futuna	

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera

Memainkan Cakera

- 1 Sambung kord kuasa pemain DVD dan TV (dan sebarang stereo atau alat penerima AV tidak wajib) kepada satu saluran keluar kuasa.
- 2 Pasangkan kuasa TV dan tetap kepada saluran Video masuk yang betul. (Lihat muka surat 112 "Penetapan TV")
- 3 Tekan **STANDBY ON** di panel depan pemain DVD.
→ Anda harus lihat skrin latar belakang DVD Philips pada TV.
- 4 Tekan butang **OPEN/CLOSE** ▲ untuk membuka dulang cakera dan masukkan cakera, kemudian tekan butang yang sama sekali lagi untuk menutup cakera.
→ Pastikan bahagian label menelentang ke atas. Untuk cakera bersisi dua, masukkan bahagian yang anda ingin mainkan menelentang ke atas.
- 5 Mainan semula akan bermula secara automatik. Jika tidak tekan **PLAY** ►.
→ Sekiranya menu cakera menunjukkan pada TV, lihat muka surat sebelah pada "Menggunakan Menu Cakera".
→ Sekiranya cakera dikunci dengan kawalan ibu bapa, anda mesti memasukkan kata laluan anda (Lihat muka surat 128).
- 6 Pada sebarang masa, hanya tekan **STOP** untuk menghentikan mainan semula.

Menggunakan Menu Cakera

Bergantung kepada cakera, suatu menu mungkin muncul pada skrin TV apabila anda memasukkan cakera.

Untuk memilih ciri mainan semula atau benda

- Gunakan ◀▶ ▲ ▼ atau pad kunci **berangka (0-9)** pada alat kawalan jauh, kemudian tekan **PLAY** ► untuk mula mainan semula.

Untuk akses atau keluar dari menu

- Tekan **DISC MENU** pada Alat Kawalan Jauh.

Untuk VCD dengan Kawalan Mainan Semula

Ciri PBC (versi 2.0 sahaja)

Mainan semula PBC membolehkan anda untuk memainkan CD Video secara interaktif, dengan mengikuti menu di paparan.

- Dalam mod berhenti, gunakan **numeric keypad (papan kekunci berangka) (0-9)** untuk memilih trek dan PBC akan dimatikan.
→ Mainan semula akan bermula secara automatik
- Semasa mainan semula, tekan **DISC MENU**;
→ Jika PBC ON, ia akan bertukar kepada OFF dan teruskan mainan semula.
→ Jika PBC OFF, ia akan bertukar kepada ON dan kembali kepada skrin menu.
- Semasa mainan semula, tekan **RETURN/TITLE** untuk kembali ke skrin menu (jika PBC dihidupkan).

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera

Kawalan Mainan Semula Asas

Kecuali diisytiharkan sebaliknya, semua operasi yang digambarkan adalah berasaskan kepada kegunaan Alat Kawalan Jauh. Sesetengah operasi boleh dijalankan dengan menggunakan Menu Sistem DVD.

Menghentikan Sebentar Mainan Semula (DVD/VCD/CD/MP3)

- 1 Semasa mainan semula, tekan **PAUSE II**.
→ Mainan semula akan berhenti sebentar dan bunyi akan dibisukan.
- 2 Tekan **PAUSE II** sekali lagi untuk memilih rangka gambar seterusnya.
- 3 Untuk kembali kepada mainan semula biasa, tekan **PLAY ►**.

Memilih trek/bab (DVD/CD)

- 1 Tekan **►►** seketika semasa mainan semula untuk ke bab/trek selanjutnya.
- 2 Tekan **►►** untuk ke trek sebelumnya atau bab semasa.
- 3 Untuk beralih secara terus kepada mana-mana trek, masukkan nombor trek dengan menggunakan kekunci bernombor (0-9).

Menyambung mainan semula daripada titik yang terakhir dihentikan (DVD/VCD/CD)

- Tekan **STOP ■** sekali untuk mengaktifkan mod sambung semula secara automatik.
- Tekan **PLAY ►** dan cakera akan main dari titik terakhir.
- Tekan **STOP ■** untuk membatalkan mod sambung semula.

Zoom (DVD/VCD/JPEG)

Zoom membolehkan anda untuk membesarkan atau mengecilkan imej video semasa mainan semula.

- 1 Tekan **ZOOM** berulang kali untuk meningkatkan dan mengurangkan imej video yang dimainkan semula.
- 2 Tekan **◀▶ ▲▼** untuk menyorot skrin TV.

Ulangan (DVD/VCD)

- Tekan **REPEAT** berulang-kali untuk memilih satu mod Berulang semasa mainan semula.

REPEAT CHAPTER (DVD)

– untuk mengulangi mainan semula bab semasa

REPEAT TITLE (DVD)

– untuk mengulangi mainan semula tajuk semasa.

REPEAT SINGLE (VCD)

– untuk mengulangi mainan semula trek.

REPEAT ALL

– untuk mengulangi mainan semula semua cakera.

OFF

– untuk membatalkan mod ulang.

Panduan Berguna:

– *Tiada fungsi REPEAT(ULANG) untuk VCD 2.0 apabila PBC dihidupkan.*

Ulangan A-B (DVD/VCD/CD)

- 1 Tekan **REPEAT A-B** di titik permulaan pilihan anda.
- 2 Tekan **REPEAT A-B** sekali lagi di titik pengakhiran titik pilihan anda.
→ Bahagian tersebut akan berulang sekarang secara berterusan.
- 3 Untuk keluar daripada aturan, tekan **REPEAT A-B**.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera

Gerak Perlahan (DVD/VCD)

- 1 Tekan ▲ atau ▼ semasa mainan semula untuk memilih kelajuan yang diperlukan: 1/2, 1/4 atau 1/8 (ke belakang atau depan).
→ Bunyi akan disenyapkan.
- 2 Untuk kembali kepada kelajuan biasa, tekan **PLAY ▶**.

Pencarian Ke Depan/Ke Belakang (DVD/VCD/CD)

- 1 Tekan ◀ atau ▶ semasa mainan semula untuk memilih kelajuan yang diperlukan: 2X, 4X, 8X atau 20X (ke belakang atau depan).
→ Bunyi akan disenyapkan (DVD/VCD) atau sekejap-sekejap (CD).
- 2 Untuk kembali kepada kelajuan biasa, tekan **PLAY ▶**.

Pranonton (DVD/VCD)

Fungsi Pencarian Masa membolehkan anda mula bermain pada sebarang masa pilihan pada cakera.

- 1 Tekan **PREVIEW**.
- 2 Gunakan kekunci ◀ ▶ untuk membuat pilihan.
- 3 Masukkan masa, minit dan saat dalam kotak pengeditan masa dengan menggunakan pad kunci bernombor Alat Kawalan Jauh.
(e.g. 0:34:27)

Untuk DVD

- Masa (contoh - 00:34:27)
- Tajuk/Bab (contoh - 000/008)

Untuk VCD

- Pencarian Trek (contoh - 00:30:00)
- Trek (contoh - 001)

- 4 Tekan **OK** untuk mengesahkan pemilihan.
→ Mainan semula akan bermula daripada masa yang dipilih pada cakera.

Bahasa Melayu

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera

Ciri-ciri Khas DVD

Memainkan Tajuk

- 1 Tekan **DISC MENU**.
→ Menu tajuk cakera muncul di skrin TV.
- 2 Gunakan kekunci ◀▶ ▲▼ atau **papan kekunci berangka (0-9)** untuk memilih pilihan main.
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan pemilihan.

Sudut Kamera

- Tekan **ANGLE** berulang kali untuk memilih sudut kamera yang berbeza.

Menukar Bahasa Audio

Untuk DVD

- Tekan **AUDIO** berulang kali untuk memilih bahasa audio yang berbeza.

Sarikata

- Tekan **SUBTITLE** berulang kali untuk memilih bahasa sari kata yang berbeza.

Memainkan cakera DivX

Pemain DVD ini menyokong mainan semula tayangan gambar DivX yang anda muat turunkan daripada komputer anda ke CD-R/RW (lihat muka surat 129 untuk maklumat lanjut).

- 1 Masukkan cakera DivX.
→ Mainan semula akan mula secara automatik. Jika tidak, tekan **PLAY ▶**.
- 2 Tekan **SUBTITLE** pada alat kawalan jauh akan membuka atau menutup sari kata.
- 3 Jika cakera mempunyai fail sari kata yang disokong (srt/sub/ssa/txt/ass/smi), anda akan digesa untuk memilih fail sari kata DivX.
- Jika sari kata berbilang bahasa sudah disediakan dalam cakera DivX, menekan **SUBTITLE** akan menukar bahasa sari kata semasa mainan semula.

Panduan Berguna:

– Untuk sari kata luar, sistem tersebut akan memaparkan senarai sari kata yang ada, pilih satu daripada sari kata tayangan gambar DivX dan tekan **PLAY**.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Operasi Cakera

Memainkan CD Gambar MP3/ JPEG

Alat pemain ini boleh memainkan semula fail-fail MP3, JPEG, VCD & SVCD pada cakera CD-R/RW yang dirakam sendiri atau CD komersial.

PENTING!

Anda perlu menghidupkan TV anda dan menetapkan kepada Video In channel yang betul. (Sila lihat muka surat 112 "Penetapan TV")

Operasi Umum

- 1 Masukkan cakera.
→ Mainan semula akan bermula secara automatik. Jika tidak tekan **PLAY** ►.
- 2 Tekan **STOP** untuk memaparkan menu cakera di skrin TV.
- 2 Gunakan ◀▶▶▶ untuk memilih fail dan tekan **OK** untuk membuka fail tersebut.

JPEG 6/103	
Images	
1. image 1	8. image 8
2. image 2	9. image 9
3. image 3	10. image 10
4. image 4	11. image 11
5. image 5	12. image 12
6. image 6	13. image 13
7. image 7	14. image 14

MP3 1/10	
MP3	
1. music 1	8. music 8
2. music 2	9. music 9
3. music 3	10. music 10
4. music 4	
5. music 5	
6. music 6	
7. music 7	

- 3 Gunakan papan kekunci berangka (0-9) untuk memilih dan mengulang tayang fail tersebut secara langsung.

Pilihan mainan semula

Semasa mainan semula, anda boleh;

- Tekan ◀◀◀ / ▶▶▶ untuk memilih fail lain di dalam folder semasa.
- Tekan **ANGLE** pada alat kawalan jauh untuk memusingkan fail-fail gambar.
- Tekan **II** / ▶ berulang kali untuk berehat / menyambung mainan semula.

TIP: Ciri-ciri operasi yang diterangkan di sini mungkin tidak sesuai untuk cakera tertentu. Sentiasa rujuk kepada arahan yang dibekalkan bersama cakera tersebut.

Ulangan

- Tekan **REPEAT** berulang-kali untuk memilih satu mod Berulang semasa mainan semula.

ULANG SATU

– Untuk mengulangi permainan semula fail semasa

ULANG SEMUA

– untuk mengulangi permainan semula semua fail di dalam cakera

OFF

– untuk membatalkan mod ulang.

Zoom gambar (JPEG/DivX)

- Semasa mainan semula, tekan **ZOOM** berulang kali untuk memaparkan gambar dengan skala yang berbeza.
- Gunakan ◀▶▶▶ untuk melihat gambar yang dizoom.

Pranonton (JPEG)

Fungsi ini menunjukkan kandungan folder semasa atau keseluruhan cakera.

- 1 Tekan **PREVIEW** semasa mainan semula.
→ Petikan 9 gambar muncul di skrin TV.

(misalnya untuk paparan 9 gambar 'thumbnail')



- 2 Tekan ◀◀◀ / ▶▶▶ untuk memilih gambar lain di muka surat sebelah/sebelumnya.
- 3 Gunakan ◀▶▶▶ untuk memilih salah satu daripada gambar dan tekan **OK**.
- 4 Tekan **PREVIEW** untuk kembali ke menu CD MP3/Gambar.

Pilihan Menu Sistem

Penetapan Pemain DVD ini dilakukan melalui TV, membolehkan anda untuk menyesuaikan Pemain DVD supaya mengikut keperluan tertentu anda.

Bahasa

- 1 Tekan **SYSTEM MENU**.
- 2 Tekan **►** untuk memilih ikon {Language} (Bahasa).
- 3 Tekan **OK** untuk mengesahkan.

